

'KERJASAMA DENGAN KERAJAAN'

BH - 6 APR 1982

KUALA LUMPUR, Isnin — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini menggesa kesatuan-kesatuan sekerja bekerjasama erat dengan Kerajaan dan majikan dalam usaha mempercepat pembangunan negara yang menyeluruh.

"Saya yakin bahawa anda akan diberi sambutan hebat sekiranya anda dapat mengemukakan cadangan membina yang dapat membantu kami di dalam melaksanakan tanggungjawab kami.

"Seterusnya, anda akan dapat lebih banyak keuntungan jika dibandingkan

dengan apa yang boleh diperolehi melalui skop kegiatan anda yang sempit," kata Perdana Menteri semasa menyampaikan ucapan dasarnya di Seminar Kebangsaan Mengenai Pengeluaran di sini.

Beliau menegaskan sebuah negara yang maju dan stabil dapat menyediakan lebih banyak 'kemudahan' kepada rakyat jika dibandingkan dengan sebuah negara yang sering dilanda oleh pertikaian antara majikan dengan pekerja.

Kepada golongan majikan pula, Datuk Seri Dr. Mahathir berkata, beliau ingin melihat wujudnya 'persahabatan sejati' antara pihak majikan dengan pekerja.

"Kebanyakan orang berkata, hubungan industri yang sihat bermakna kita dapat mengelakkan pertikaian dan mogok. Ini sebenarnya tidak mencukupi.

"Saya ingin melihat wujudnya persahabatan sejati antara golongan majikan dan pekerja di mana majikan menghargai cadangan pekerja dan pekerja pula memahami masalah majikan," tegas beliau.

Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad juga berkata, Jepun mencapai kemajuan ekonomi yang pesat kerana rakyatnya sanggup mengamalkan konsep kekeluargaan di tempat kerja mereka.

Beliau berpendapat kejayaan negara itu di bidang perindustrian banyak bergantung kepada perubahan sikap rakyatnya terhadap kerja dan bukan semata-mata kerana kemajuan saintifiknya.

Menurutnya 'kelebihan' utama negara itu ialah ia mempunyai sumber tenaga manusia 'di dalam bentuk rakyat yang berdisiplin dan sanggup bekerja kuat'.

"Pada asasnya, seseorang pekerja di Jepun bukan merupakan seorang hamba kepada upahan yang hanya bekerja bagi kepentingan sendiri.

"Ia berkhidmat untuk kepentingan majikannya, yang kemudian berkhidmat pula bagi kepentingan negaranya. Ia bangga dengan kerja yang dilakukannya dan menyumbang setimpal dengan bayaran harian yang diterimanya," tambahnya.

Beliau menjelaskan negara-negara lain kini begitu terpesona dengan kemajuan pesat ekonomi Jepun dan Republik Korea.

Kedua negara berkenaan, katanya berjaya mewujudkan asas kemajuan yang kukuh dari debu peperangan yang dasyat.

"Jika kita ingin mencapai kejayaan, kita mesti sanggup mengikut jejak langkah rakyat Jepun. Saya tidak bermaksud kita mesti meniru bulat-bulat segala yang mereka buat.

"Saya memang sedar hakikat bahawa iklim kita adalah berbeza. Begitu juga dengan alam persekitaran dan kebudayaan kita turut berbeza.

"Apa yang saya maksudkan ialah kita boleh belajar banyak perkara dari rakyat Jepun terutama etika pekerjaan yang boleh memberi sumbangan besar terhadap daya pengeluaran negara yang lebih tinggi," jelasnya.